

INSURANCE

Skim Caruman Risiko Perniagaan untuk PKS

Oleh SITI NORAFIDAH MOHD RAMLI

KITA kini sedang menjalani tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Sebelum ini, kerajaan Malaysia mengenakan sekatan pergerakan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac hingga 3 Mei 2020, seterusnya menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei hingga 9 Jun 2020. Berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, selain negara tetangga kita, Malaysia mencatatkan pengurangan bilangan kes baharu yang minimum secara konsisten.

Walau bagaimanapun, sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan, sungguhpun negara berjaya mengawal perebakan coronavirus COVID-19, dari sudut ekonomi, kita dimaklumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin bahawa negara mengalami kerugian harian sebanyak RM2.4 bilion bagi setiap hari PKP dijalankan.

Dalam usaha kita bergerak ke arah merencanakan semula perjalanan ekonomi negara, kewujudan kluster jangkitan baharu perlulah dielakkan agar bilangan jangkitan tidak meningkat semula. Bilangan pesakit COVID-19 dipastikan cukup rendah untuk diurus sendiri oleh pihak hospital berbanding dengan pengurusan secara pukal yang tentunya memerlukan sumber peruntukan yang banyak agar tidak terus-terusan menjejaskan perjalanan ekonomi dan pembangunan negara selepas wabak berakhir.

Dengan kadar jumlah kematian 1.7 peratus dan 102 purata kes baharu harian, Malaysia memulakan PKPB dan menjalankan aktiviti ekonomi negara dalam keadaan berjaga-jaga, berserta dengan garis panduan kawalan kesihatan. Beberapa negara Eropah seperti Denmark, Norway, Jerman, Switzerland, dan Austria juga telah mula menjalankan aktiviti ekonomi secara berperingkat. Itali, Perancis, dan Sepanyol yang merupakan tiga negara

Eropah yang paling terkesan oleh COVID-19 juga sudah mula melonggarkan aktiviti sekatan pergerakan dan membuat persediaan untuk memulakan operasi ekonomi kembali secara perlahan-lahan.

Berbanding dengan Itali yang mencatatkan 2992 purata kes pada penghujung April lalu, Amerika Syarikat yang mencatatkan 10 040 purata kes baharu harian juga telah mula melonggarkan kawalan pergerakan. Dengan bilangan kes baharu yang begitu tinggi, walaupun mungkin kelihatan seperti suatu langkah yang agak janggal dari aspek pengawalan wabak, langkah mengembalikan buruh ke tempat kerja mungkin merupakan kaedah terbaik bagi negara itu agar sektor ekonomi tidak terus terjejas.

Berkaitan dengan hal ini, banyak negara memperuntukkan pakej rangsangan fiskal

khas untuk menghadapi wabak COVID-19 bagi memastikan aktiviti

ekonomi negara masing-masing terus berjalan walaupun pada kadar yang perlahan.

Bruegel, sebuah badan pemikir Eropah, melaporkan beberapa buah negara Eropah, seperti Jerman, Itali dan Perancis, masing-masing telah memperuntukkan pakej rangsangan ekonomi tertinggi, iaitu sebanyak 60.1 peratus, 43.9

peratus dan 25.8 peratus daripada

Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK)

tahun 2019.

Berbanding dengan United Kingdom dan Amerika Syarikat, masing-masing hanya memperuntukkan sebanyak 20.8 peratus dan 14.3 peratus daripada KDNK tahun 2019. Di sebelah Asia Tenggara, negara jiran kita Thailand dilaporkan memperuntukkan 2.117 trilion Baht (12.5 peratus), manakala Singapura pula memperuntukkan sebanyak S\$59.9 bilion (12.8 peratus) dengan S\$21 bilion merupakan jumlah yang diambil daripada rizab negaranya. Malaysia sendiri memperuntukkan sejumlah RM260 bilion (16.9 peratus), manakala Australia memperuntukkan sebanyak AU\$320 (16.4 peratus).

Dari segi perinciannya, kebanyakan pakej rangsangan fiskal yang diumumkan dilihat memberikan bantuan sementara kepada para majikan untuk terus menggaji pekerja agar rakyat boleh berbelanja dan hasil dapat dikeluarkan dalam fasa yang tidak menentu ini. Sebagai contoh, dalam usaha meminimumkan bilangan rakyat tempatan yang diberhentikan kerja, kerajaan Singapura bersetuju untuk membiaya sejumlah S\$4600 daripada amaun gaji bulanan pekerja tempatan untuk tempoh sembilan bulan.

Sementara itu, kerajaan Australia dilaporkan memperuntukkan AU\$130 bilion bertujuan untuk bayaran sebanyak AU\$1500 pada setiap dua minggu bagi tempoh selama enam bulan kepada hampir enam juta orang rakyat yang berpotensi diberhentikan kerja akibat COVID-19. Malaysia sendiri memperuntukkan sejumlah RM250 bilion yang merangkumi moratorium pinjaman daripada bank-bank selama enam bulan untuk melindungi ekonomi negara dan rakyat secara amnya.

Bagi tujuan menyokong sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula, kerajaan Thailand menyasarkan bantuan tunai dan kewangan untuk pengusaha PKS yang menyumbang kepada 80 peratus peluang pekerjaan di negara tersebut. Begitu juga dengan skim jaminan pinjaman jangka pendek sebanyak AU\$40 bilion oleh kerajaan Australia dan tambahan peruntukan subsidi upah sebanyak RM10 bilion oleh kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk memudahkan aliran tunai sektor PKS yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Sebagai tunjang utama sektor ekonomi negara, tidaklah menghairankan jika kerajaan Malaysia menumpukan usaha bagi menyokong sektor PKS yang menyumbang hampir 40 peratus kepada ekonomi Malaysia dan membiaya lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di dalam negara. Demi kelestarian sektor PKS itu sendiri serta kemaslahatan rakyat yang juga merupakan golongan pekerja, kita harus bersedia dengan pelan luar jangka untuk sektor PKS memandangkan kejadian ekstrem dan bencana semakin kerap terjadi pada peringkat global pada hari ini. Kerajaan mungkin

Insurans gangguan perniagaan membayar ganti rugi bagi pendapatan perniagaan yang terlepas sepanjang tempoh perniagaan dipulihkan.

boleh mempertimbangkan skim insurans atau sistem caruman bagi menghadapi gangguan perniagaan dalam kalangan pengusaha PKS agar dapat membantu mereka bangkit semula dalam waktu yang singkat selepas terkesan dengan mana-mana krisis pada masa akan datang.

Syarikat insurans menyediakan skim insurans gangguan perniagaan (*Business Interruption Insurance*) bertujuan untuk membayar ganti rugi pendapatan yang terlepas akibat gangguan perniagaan, serta perbelanjaan untuk memulihkan harta benda dan perniagaan yang rosak sebelum syarikat beroperasi semula. Contoh situasi yang ditanggung di bawah skim ini ialah gangguan pada rantai bekalan dan penutupan premis akibat banjir yang menyebabkan syarikat tidak dapat beroperasi. Berbeza daripada skim insurans perlindungan banjir yang membayar ganti rugi kerosakan premis, insurans gangguan perniagaan membayar ganti rugi bagi pendapatan perniagaan yang terlepas sepanjang tempoh perniagaan dipulihkan.

Bagi melindungi sektor PKS, kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan idea sistem caruman begini, di samping mempromosikan penggunaan barangan tempatan dalam kalangan rakyat agar penggunaan domestik terus kukuh. Selain mengurangkan kebergantungan sektor PKS terhadap subsidi dan insentif kerajaan setiap kali krisis melanda negara, sistem caruman ini juga membolehkan kerajaan memberikan bantuan kepada sektor kritikal seperti pertanian dan makanan, kesihatan dan pertahanan.

Para majikan di negara maju, seperti di Amerika Syarikat dan negara Eropah, termasuklah dalam kalangan pengusaha restoran, mencarum dalam skim insurans gangguan perniagaan kelolaan syarikat insurans. Tidaklah menghairankan sekiranya terma polisi bagi skim insurans ini lebih memihak kepada syarikat insurans itu sendiri berbanding dengan syarikat yang mencarum.

Dalam hal tuntutan yang berkaitan dengan wabak COVID-19 ini, terdapat keengganan dalam kalangan syarikat insurans luar negara untuk membayar pampasan kepada pengusaha



kerana kerugian yang ditanggung akibat wabak tidak melibatkan kerosakan fizikal. Sehubungan dengan itu, para pencarum dan kerajaan Amerika Syarikat sedang menggesa syarikat insurans mempertimbangkan semula polisi yang ditaja. Dalam hal itu, kerajaan New Zealand juga digesa untuk mewujudkan skim insurans yang menanggung kerugian yang tidak dibayar oleh syarikat insurans.

Bagi menjalankan peranan rakyat, kita hanya ada dua pilihan, iaitu sama ada untuk mengekalkan disiplin dan penjarakan sosial pada hari mendatang ataupun terikut-ikut dengan gaya hidup sebelum wabak melanda. Sekiranya kita berjaya menjalani kehidupan harian dengan disiplin yang tinggi dalam fasa ini, insya-Allah Malaysia akan dapat menjanakan ekonomi dengan pesat selepas wabak ini tamat.

Jika tidak, kita mungkin akan terpaksa menjalani semula PKP dengan bilangan jangkitan yang lebih banyak dan peruntukan belanjawan yang lebih tinggi berbanding dengan fasa PKP yang bermula 18 Mac lalu. Sekiranya kealpaan kita menyebabkan perkara ini berulang, sejauh manakah negara kita mampu memberikan peruntukan tambahan untuk membantu rakyat Malaysia di barisan hadapan, pekerja, pengusaha, dan sektor PKS khususnya? •

Skim insurans bagi menghadapi risiko perniagaan dapat membantu PKS bangkit semula apabila berlaku krisis seperti COVID-19.

Dr. Siti Norafidah Mohd Ramli,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Sains
Matematik, UKM.